

TRANSFORMASI BUDAYA DALAM BUSANA LANGGIE PINGADAP: KAJIAN KES DI KAMPUNG RAYANG SERIAN SARAWAK

Norazlinda Mohamed Rosdi¹ and *Max Martin a/I Petel²

Department of Heritage Studies, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti
Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan.

*corresponding author
maxmartinpeterr@gmail.com

ABSTRAK

Tarian '*Langgie Pingadap*' merupakan tarian tradisional bagi suku kaum Bidayuh yang mana dipersembahkan oleh golongan lelaki dan wanita sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan di atas rezeki padi yang diperoleh. Seiring dengan perkembangan zaman, tarian ini mula berfungsi untuk menyambut kedatangan tetamu yang datang melawat ke kawasan Bidayuh. Menerusi kajian ini, pengkaji cuba melihat perbandingan tarian *Langgie Pingadap* dulu dan kini terutamanya di kawasan kajian iaitu di Kampung Rayang, Serian, Sarawak. Pemilihan lokasi kajian adalah disebabkan kawasan berkenaan menjadi penempatan sebahagian besar suku kaum Bidayuh. Perbandingan tarian ini akan dilihat dalam konteks pakaian, aksesori dan penggunaan warna selain fungsi mengapa tarian ini dipersembahkan. Untuk memastikan kajian ini mencapai objektif, penulis telah menggunakan pendekatan etnografi dengan melibatkan beberapa kaedah kajian seperti menemubual beberapa orang informan yang mempunyai pengetahuan tentang tarian *Langgie Pingadap* termasuklah yang terlibat secara langsung dalam tarian ini. Hasil kajian mendapati sememangnya ada perbezaan yang begitu ketara sehinggakan terjadinya perubahan dalam keaslian tarian ini termasuklah pakaian penari. Walaupun ada perubahan yang berlaku, namun tarian ini harus dipelihara dan dikekalkan kerana ia melambangkan kebudayaan dan identiti suku kaum Bidayuh sejak sekian lamanya.

Kata Kunci: *Langgie Pingadap*, Bidayuh, tarian, tradisional, pemeliharaan

ABSTRACT

"Langgie Pingadap" is a traditional dance for Bidayuh that is performed by men and women as a sign of gratitude to God for the sustenance of rice obtained. Along with the development of time, this dance began to function to welcome the arrival of guests who came to visit the Bidayuh area. Through this study, the researcher tried to compare the Langgie Pingadap dance then and now especially near Kampung Rayang, Serian, Sarawak. This place was chosen since the majority of Bidayuh who know about Langgie Pingadap live there and Langgie Pingadap also belongs to this community. Furthermore, this research is focusing on comparison between clothing, accessories, the selecting of colour and also the function of this dance. To make sure this research reaches its goal, the researchers using the suitable theories for this research. The researchers are also using ethnography method with some approaches such as interview with some experts in Langgie Pingadap including informants who are involved in this dance. The results of the study found that there is indeed such a significant difference including the dancer's clothes. Although there have been changes, this dance should be preserved and maintained because it symbolizes the culture and identity of the Bidayuh for a long time.

Keywords: Langgie Pingadap, Bidayuh, dance, traditional, preservation

PENGENALAN

Tarian *Langgie Pingadap* kerap dikaitkan dengan padi. Hal ini kerana kehidupan orang Bidayuh yang terlalu erat dengan padi dan merupakan 'harta' yang mereka ada (Magiman, 2017). Maka, mereka menggunakan hasil tanaman padi untuk menjamu para tetamu selain menjadi bekalan makanan seharian mereka. Pada kebiasaannya, orang Bidayuh menjamu tetamu dengan hasil padi ketika perayaan seperti Hari Gawai Dayak. Menurut Magiman lagi, masyarakat peribumi termasuklah suku kaum Bidayuh sangat percaya akan kuasa ghaib. Mereka seboleh mungkin cuba mengelak untuk menimbulkan kemarahan kuasa ghaib dan kerana itulah, mereka akan mengadakan perayaan Hari Gawai pada 1 Jun setiap tahun sebagai tanda kesyukuran atas tanaman yang menjadi.

Sesuai dengan peredaran zaman, fungsi asal *Langgie Pingadap* sebagai tanda kesyukuran telah mula berubah. Tarian ini telah menjadi tarian untuk menyambut tetamu yang datang ke kawasan masyarakat Bidayuh seperti golongan yang berpangkat tinggi atau golongan seperti menteri. Tarian ini akan menjadi tarian pembuka majlis sebagai tanda terima kasih kepada tetamu berkenaan kerana sudi berkunjung ke kawasan mereka. Pada peringkat permulaan, tarian ini hanya dilakukan oleh penari wanita dan mereka akan menari dengan gaya yang tersendiri iaitu meniru pergerakan menanam, memetik dan menuai padi. Ini secara tidak langsung telah membentuk keunikan dalam budaya masyarakat berkenaan dan apabila dipersembahkan kepada masyarakat luar, tarian ini telah menjadi identiti kepada masyarakat Bidayuh.

Seterusnya, tarian *Langgie Pingadap* juga merupakan tarian yang dipersembahkan secara berkumpulan oleh para wanita. Para penari akan menari dalam jumlah yang tidak ramai dan dalam bentuk serta gaya tarian yang tersendiri. Gerak geri tarian *Langgie Pingadap* ini juga berkait rapat dengan simbol-simbol dalam budaya padi iaitu melambangkan perbuatan memetik padi, menanam padi dan sebagainya. Menerusi tarian ini, orang Bidayuh dapat mempersembahkan keunikan budaya mereka kepada masyarakat luar terutamanya masyarakat yang belum mengetahui tentang budaya mereka.

Tarian tradisional yang melatari sesuatu masyarakat termasuklah di Sabah dan Sarawak dilihat mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan masa (Calvin, Carolyn, Jonas & Robert Sulis, 2012). Perkara ini terjadi disebabkan beberapa faktor seperti permainan video yang mempengaruhi masyarakat itu sendiri sehingga membuat mereka leka akan kepentingan tarian tradisional mereka yang sepatutnya dipelihara dan diamalkan supaya terus dapat diperlihatkan kepada generasi yang akan datang (Kosmo, 2022). Tarian yang diwarisi sejak turun-temurun ini begitu penting kerana daripada tarian yang diamalkan itulah yang boleh mencerminkan identiti bagi sesuatu kaum termasuklah suku kaum Bidayuh.

Selain itu, golongan yang berpengalaman sejak dahulu lagi kurang berkongsi akan pengetahuan dalam mengajar atau memberi ilmu serta latihan kepada generasi baharu. Jika diperhatikan, tarian *Langgie Pingadap* ini tidaklah terlalu rumit untuk dipelajari tetapi jika dipandang remeh, maka agak mustahil untuk mempelajarinya dengan mudah dan perkara ini akan mendorong kepada berlakunya pengubahan keaslian tarian tradisional itu. Oleh itu, mereka yang berpengalaman dalam tarian ini perlu memberi tunjuk ajar kepada orang baharu dan sedikit sebanyak dapat menarik minat mereka (orang baharu) untuk mempelajari dan seterusnya menghargai tarian tradisional ini. Kenyataan ini turut disokong oleh salah seorang informan kajian ini iaitu Encik Chuno Anak Robung.

Terdapat juga faktor lain yang boleh mempengaruhi tarian tradisional daripada pupus ditelan zaman jika tidak dipelihara dengan baik. Sebagai contoh, sikap sesuatu masyarakat itu sendiri yang mungkin dingin dengan budaya tarian kaum mereka. Hal ini kerana mereka lebih mengagungkan budaya luar berbanding budaya sedia ada yang terpahat dalam komuniti mereka sejak sekian lamanya (Aisara, Nursaptini & Widodo, 2020).

Menurut Johan (2017), budaya tradisional ini perlu dikawal terutamanya yang berkaitan dengan integrasi budaya. Integrasi budaya sangat penting dalam sesebuah komuniti agar budaya mereka dapat diperturunkan dan dikekalkan untuk generasi akan datang. Ini kerana mereka sendiri yang menentukan sama ada budaya itu perlu diteruskan ataupun tidak. Disebabkan sikap ketidakpedulian generasi muda terhadap tarian tradisional inilah yang menyebabkan tarian ini semakin dilupakan dan tidak mustahil ia akan hilang kelak sekiranya tidak dipelihara dan dikekalkan.

KERANGKA TEORI

Untuk kajian ini, penulis telah memilih Teori Semiotik. Ini kerana tarian *Langgie Pingadap* merujuk kepada pertunjukan dan seni persembahan yang merangkumi pelbagai aspek. Pendapat Mohd Kipli Abdul Rahman (2010) yang dipetik oleh Gregory Kiyai @ Keai, Noria Tugang & Olivia Seer (2020), istilah seni persembahan sangat sukar untuk diterjemahkan namun dari segi etimologi, ia merujuk kepada pergerakan, persembahan, pertunjukan, hasil, permainan dan prestasi.

Bagi Richard Schechner (2002), tarian tradisional berada di bawah aktiviti sosial kerana ia hasil sebuah penceritaan yang disampaikan dalam bentuk tarian dan kemudiannya diwarisi sejak sekian lamanya. Ferdinand den Saussure dan Charles Sanders Peirce merupakan tokoh bagi teori ini yang mana mereka telah memaknakan semiotik itu sebagai suatu 'tanda'.

Peirce (1965) menyatakan semiotik lahir menerusi proses semiosis iaitu mewakili *object*, *interpretant* dan *representamen*. *Object* yang dimaksudkan di sini mewakili ikon, simbol dan tanda, manakala *interpretant* mewakili terjemahan pemikiran manusia setelah mereka mengenal pasti tanda tersebut. Untuk *representamen* pula menceritakan akan proses iaitu yang melibatkan *qualisign*, *sinsign* dan juga *legisign* (Halina Sendera & Andreas Totu, 2014).

Abdul Latiff Abu Bakar (2006) telah menyatakan bahawa teori Semiotik adalah sebuah teori yang berkait rapat dengan lambang yang mana dikomunikasikan lalu digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk juga kajian terhadap seni persembahan atau seni pertunjukan. Teori ini dapat membantu seseorang penulis untuk memahami tentang sesuatu perkara dan makna yang diciptakan. Kemudiannya, makna itu akan dikomunikasikan berdasarkan lambang ataupun simbol di dalam seni persembahan atau pertunjukan yang mana akan dilihat pada pakaian, muzik dan lain-lain.

SOROTAN KAJIAN

Di Malaysia misalnya, setiap masyarakat mempunyai tarian yang tersendiri dan pergerakan yang berbeza. Ini disebabkan Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan memiliki pelbagai kaum serta mampu hidup dalam suasana yang harmoni dan tenang. Menerusi kepelbagaian inilah telah mencetuskan kepelbagaian kebudayaan yang melatari kehidupan sesebuah masyarakat termasuklah dalam tarian. Perkara inilah dapat dijadikan sebagai tarikan kepada pelancong luar terutamanya agar mereka datang ke negara ini dan melihat sendiri bagaimana tarian sesebuah kaum itu dipersembahkan kerana tarian tradisional ini adalah sesuatu yang telah diwarisi sejak sekian lamanya terutamanya daripada golongan terdahulu kepada golongan kini dan seterusnya diubah mengikut peredaran masa. Kedua

aspek inilah yang menimbulkan keunikan dalam tarian tersebut.

Menurut Anya Peterson Royce (1977), di dalam kesenian, tarian adalah yang pertama mula wujud dan diikuti bidang lain. Di Malaysia, terutamanya di Sarawak, tarian *Ngajat* merupakan antara tarian terkenal yang menjadi simbol kesenian bagi masyarakat Iban. Tarian ini pada asalnya ditarikan oleh pahlawan lelaki Iban yang meraikan kejayaan mereka memenangi sesebuah peperangan dan tanda keberanian mereka (dipanggil 'Keling'). Namun kini, tarian ini ditarikan sebagai tanda kesyukuran atas tanaman yang subur dan biasanya ditarikan di rumah panjang masyarakat Iban. Ini menunjukkan bahawa tarian ini berperanan sebagai ritual dalam sesuatu penyembahan kepada semangat dan kuasa ghaib.

Gerry & Osup (2021) menyatakan bahawa tarian *Ngajat* ini mempunyai pelbagai jenis dan disesuaikan mengikut sambutanannya. Antara jenis tarian ini yang popular dan sering dipersembahkan ialah *Ngajat Indu*, *Ngajat Antu Pala* dan lain-lain. Uniknyanya tarian ini ialah ia dikaitkan dengan unsur imaginasi dan ketahanan iaitu melambangkan kekuatan pahlawan Iban pada masa dahulu yang keluar berperang. Tambah Gerry & Osup (2021) lagi, etnologi tari itu dapat ditunjukkan menerusi sesebuah tarian. Ini termasuklah bagi suku kaum Iban yang mana perkataan 'ajat' itu sendiri membawa maksud menari.

Tarian juga mempunyai makna yang penting dan memiliki pelbagai kelebihan seperti untuk menyampaikan sebab mengapa sesebuah acara atau majlis itu dilakukan. Malah, tarian juga mempunyai mesej tersendiri yang mana selain berfungsi untuk hiburan, tarian juga boleh menjadi alat interaksi antara penari dengan penonton. Hal ini telah diwarisi sejak sekian lamanya dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Menurut Wan Abdul Kadir Yusoff (1985), tarian selain bersifat tradisional atau primitif, atau tercipta dalam kalangan rakyat mahupun istana, ataupun tarian itu dipopularkan di kawasan kampung atau bandar atau genre yang pelbagai dalam tarian pasti tidak akan lari dengan sejarah bagaimana ia boleh muncul dan seterusnya berkembang sehingga kini. Namun begitu, agak sukar untuk menentukan perkembangannya selain apa yang dapat dinyatakan adalah tarian-tarian tersebut telah melatari kehidupan masyarakat sejak sekian lamanya.

Bagi suku kaum Bidayuh pula, menurut Magiman & Norhuda Salleh (2017), *Langgie Pingadap* dipersembahkan sebagai pembuka majlis dan diikuti dengan *Langgie Berokap* yang berperanan untuk memberkati tetamu yang hadir ke sesuatu majlis itu. Selain itu, tarian *Berayun*, *Ngajat* dan *Langgie Bidayung* turut dipersembahkan kepada tetamu dan semua tarian ini akan ditarikan tanpa mengira usia (ditarikan oleh penari perempuan sama ada tua ataupun muda).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian bermaksud olah maklumat dan data yang dikutip semasa kajian dilaksanakan di lapangan yang telah dipilih oleh penulis. Menurut Sabitha (2006), metodologi kajian memainkan peranan dalam memberi penjelasan terhadap penyelidikan yang telah dijalankan serta panduan untuk menganalisis maklumat dan data yang ingin dikaji. Dengan ini, penulis dapat memastikan bahawa metodologi kajian yang digunakan dapat mengatasi masalah penyelidikan dengan berkesan.

Antara kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temu bual dan pemerhatian. Untuk kaedah ini, penulis akan membantu informan untuk menjawab soalan yang telah dibina agar soalan-soalan berkenaan dijawab dengan baik oleh informan yang telah dipilih. Pemilihan ini dijalankan ke atas beberapa informan menggunakan teknik *snowball* iaitu individu yang menetap di Kampung Rayang yang tahu tentang sejarah tarian dan perubahan yang berlaku dalam tarian ini termasuklah dari segi pakaian, aksesori dan penggunaan warna serta pengekalan keaslian tarian tradisional kaum Bidayuh ini.

Selain itu, kaedah pemerhatian turut digunakan. Menurut Suseela (2001), menerusi pemerhatian, data dan maklumat yang diperlukan dapat dikumpul dan ini sekaligus boleh mempengaruhi rasa percaya terhadap kajian yang ingin dilaksanakan. Untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan, penulis telah memilih kawasan berdasarkan kepada pemerhatian awal terutamanya kaum Bidayuh yang masih mempersembahkan tarian *Langgie Pingadap* dan juga kampung Bidayuh yang masih mengekalkan tarian *Langgie Pingadap*. Melalui kaedah pemerhatian ini, penulis dapat memastikan bahawa penduduk Bidayuh di tempat atau lokasi yang penulis pilih masih wujud dan relevan untuk menjalankan kajian memandangkan lokasi kajian merupakan antara populasi kawasan suku kaum Bidayuh yang terbesar dan memiliki golongan tua yang berpengalaman luas dalam tarian ini.

Sejarah Perkembangan Tarian *Langgie Pingadap* di Kampung Rayang Serian, Sarawak

Menerusi temu bual yang dijalankan, salah seorang informan yang merupakan pemain ataupun penari tarian *Langgie Pingadap* dari zaman dahulu sehingga kini menyatakan bahawa sejarah tarian *Langgie Pingadap* ini tidak dapat dikenal pasti. Menurut beliau lagi, selepas wujud dan bermulanya sambutan perayaan Hari Gawai dalam kalangan masyarakat Bidayuh pada zaman dahulu, sudah ada tarian *Langgie Pingadap*. Ini kerana tarian ini dipersembahkan untuk meraikan hasil tuaian padi pada Hari Gawai serta bagi menyambut kedatangan para tetamu lebih-lebih lagi apabila kedatangan orang berpangkat berkunjung ke kampung seperti rombongan daripada menteri.

“Kan ngaje ne, kaik adep puan wang manih sjarah langgie tik udog tundah lalu udog binain ngin sanik ne ngarap masu buak sanda adep pidaan keyuh. Bala turang babuk turang teyang sanik ne pun pidaan nyenda manang bala ne moh adeh da tunduh tana ngan ne moh adeh bala langgie, moh adeh bala Gawai. Sanik ne bigawai adep ngan ne adeh langgie udog nalu beda bala dayung ngan darik ngin adep irak nyambut pedi bauh lalu nyembut bala inya da mandeg neg binua adep da suwe ngirami pingirami Gawai kitak”.

“Kalau ikutkan, kita tidak tahu sejarah bila tarikh tetap tarian ‘Langgie’ ini wujud oleh sebab masyarakat dahulu memberitahu segala sesuatu melalui pertuturan sahaja. Datuk nenek moyang dahulu pun memberitahu bahawa ketika mereka hidup di dunia ini, tarian ‘Langgie’ telahpun diamalkan dan sudah wujudnya perayaan Gawai. Sejak dahulu, perayaan Gawai kita memang sudah ada tarian ‘Langgie’ yang ditarikan oleh golongan lelaki dan perempuan di mana untuk tujuan meraikan padi yang baru dituai kemudian untuk menyambut masyarakat yang datang ke kampung yang ikut meraikan perayaan Gawai kaum Bidayuh”.

(11, 27 Februari 2022)

Tarian *Langgie Pingadap* biasanya ditarikan sempena Hari Gawai Dayak yang biasanya disambut oleh suku kaum Dayak termasuklah Bidayuh. Perayaan Hari Gawai ini kebiasaannya disambut pada tanggal 31 Mei hingga 1 Jun setiap tahun. Menurut Windy Inki (2007), kaum Bidayuh di kawasan Bau misalnya menyebut Gawai Dayak sebagai *Gawai Sowa* yang melambangkan tanda kesyukuran atas haiwan yang menjadi dan tanaman yang subur.

Seni persembahan merupakan pertunjukan seni yang dipertontonkan kepada khalayak yang melibatkan empat elemen iaitu tempat, hubungan antara pelaku dengan penonton, ruang dan juga masa yang mana persembahannya bersifat secara langsung. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati antara individu yang popular yang menjadi pemain atau penari bagi tarian *Langgie Pingadap* bagi kategori wanita adalah Teyang Giab dan Teyang Lebet dan bagi kategori lelaki pula adalah Babuk Buntan, Amang Cucom dan Amang Gidik. Nama-nama ini antara nama yang terkenal yang dapat dikenal pasti kerana penari yang sebelum mereka tidak dapat dikesan oleh kerana kurang perkongsian maklumat dan butiran peribadi dari generasi ke generasi.

“Bala namba da damba ahi da pandai ngilanggi pak iti ne bala ne ubo moh anyap, moh ntagan. Ummm... Kan da puan aku da paling damba atik da mpuan langgi Bidayuh tik ayo kon Teyang Giab dengan Teyang Lebet kan ne bala dayung lah pak kan ne bala darik seh rak kaik ku tentu puan ne hahaha...”

“Orang tua-tua dahulu kebanyakan ramai yang tahu menarikan tarian ‘Langgie’ tetapi sekarang mereka semua sudah meninggal dunia. Setahu saya, golongan orang yang paling tua yang betul-betul tahu menarikan tarian ‘Langgie’ ini di kampung ini seperti Nenek Giab dan Nenek Lebet kalau untuk golongan perempuan. Kalau untuk golongan lelaki, saya kurang tahu...”

(12, 27 Februari 2022)

“Adeh dengen ceh pak kaik ne damba bina jangka ne. Pak bala she kira damba da binua ita lah. Ehheh bala seh, asih boh, ayo kon Babuk Buntan, Amang Cucom dengan Amang Gidik. Ahh.. Seh yen bala ne da mpuan langgi Bideyuh tik. Haaa, seh yen ne”.

“Ada memang ada, cuma bukan golongan yang tertua. Tapi mereka boleh dikira yang paling tua yang ada di kampung ini. Antaranya seperti Datuk Buntan, Bapak Cocom dan Bapak Gidik. Itu antara yang tahu tentang tarian ‘Langgie’ di kampung ini”.

(11, 27 Februari 2022)

Akhir sekali, kewujudan sambutan sempena Hari Gawai Dayak dalam kalangan kaum Bidayuh inilah yang membawa kepada wujudnya tarian *Langgie Pingadap* di Negeri Sarawak dan juga turut menjadi medium seni persembahan kaum Bidayuh bagi menyambut para tetamu yang datang ke kampung ketika Hari Gawai dari zaman dahulu sehinggalah ke hari ini. Walau bagaimanapun, tahun bertukar tahun dan hari berganti hari telah menyebabkan maklumat yang terperinci berkaitan tarian *Langgie Pingadap* semakin sukar ditemui. Hal ini kerana data dan maklumat tentang segala perkara yang berkaitan dengan tarian ini termasuklah para penari awal yang mengetahui dan memperkenalkan tarian ini tidak disimpan dan direkodkan dengan betul.

Perbandingan Tarian *Langgie Pingadap* di Kampung Rayang Serian, Sarawak

i) Tarian

Pada zaman dahulu khususnya di Negeri Sarawak atau dikenali dengan *The Land of Hornbill* sememangnya terkenal dengan pelbagai kaum, budaya dan adat yang diamalkan terutamanya dalam bidang seni tari ataupun seni persembahan yang mana dari zaman dahulu sehingga kini masih tetap bertahan dan diamalkan (Lidia Ding, 2011). Seperti yang dapat dilihat sehingga ke hari ini, tarian *Langgie Pingadap* ini merupakan seni tarian kaum Bidayuh yang melibatkan gerakan tangan, jari dan kaki iaitu berirama mengikut rentak muzik tradisional yang dimainkan.

Disebabkan arus pemodenan, setiap seni persembahan sama ada dalam ataupun luar negara pasti mengalami perubahan dan sedikit sebanyak terjadinya pengubahsuaian untuk menyesuaikan tarian itu dengan adat dan budaya yang diamalkan masyarakat pada hari ini. Malah, tarian *Langgie Pingadap* pada masa dahulu dengan masa kini juga mengalami sedikit perubahan baik dari segi tarian, pakaian dan aksesori yang digunakan.

Menurut informan ketiga, beliau menyatakan bahawa gerak geri tangan tarian *Langgie Pingadap* pada zaman dahulu seperti gerak geri sayap burung helang yang mana kedua-dua belah tangan lurus ketika menari sambil menghayunkan sedikit tangan mengikut irama gong, gendang dan canang manakala tarian *Langgie Pingadap* pada masa kini tidak lagi meluruskan tangan tetapi membengkok sedikit tangan lalu menggerakkan semua jari ketika menari.

"Kan ne bida langgi da iti ne dengan langgi da sani ne seh adeh dengen pak kaik ne ahi. Kan langgi ngamin ne, bala tangan inya bilanggi seh bujog ceh mung erad kito ba'uh. Lurus ceh bala tangan inya ngalu ne tingin dep ngalu ne icuk ngajah siak egung. Kaik ceh da mung iti ne ngan ne kaik samah raye. Puli iti ne moh kaik bala taap bauh pilurus tangan ne. Puli bala tangan ne ku maih mung erad siyok. Ehh, bingkok kah tingin bala anak tangan seh nak kutap kutip".

"Terdapat perbezaan tarian 'Langgie' yang sekarang dan yang dahulu, cuma tidak terlalu jauh beza. Kalau tarian 'Langgie' zaman dahulu, gaya tangan ketika menari seperti sayap burung helang. Tangan lurus sambil menghayun atau menggerakkan dengan lembut mengikut bunyi dan rentak gong yang dipukul. Tidak seperti tarian 'Langgie' yang sekarang yang sudah berbeza dari asal. Golongan pada masa kini menarikan tarian 'Langgie' dengan tangan seperti sayap ayam, gaya tangan

tidak lurus lagi seperti sayap helang terbang tetapi bengkok sambil jejeri mereka digerakkan”.

(13, 1 Mac 2022)



Gambar 1: Tarian *Langgie Pingadap* suatu ketika dahulu. (Sumber: Informan Pertama, 2022)

ii) Busana

Pemakaian pakaian tarian *Langgie Pingadap* ini juga berbeza. Pakaian tarian ini asalnya dari dahulu berwarna hitam dan bercampur sedikit warna merah, kuning dan putih yang mana boleh dilihat pada garis baju tarian tradisional ini terutamanya pakaian wanita. Malah, pakaian *Langgie Pingadap* wanita dahulu juga hanya menggunakan kain lepas yang panjang ataupun disebut sebagai '*Tapeh*'. Pada bahagian kepala, terdapat perhiasan iaitu disebut sebagai '*Sungguh*' yang turut menghasilkan bunyi apabila tarian dipersembahkan. Bagi pakaian lelaki pula berpakaian baju batik atau menggunakan pakaian bercorak kosong serta kain batik diikat secara bersilang di bahagian tubuh mereka. Bukan itu sahaja, penari lelaki juga turut mengikat '*Tahjong*' pada bahagian tengah di keliling pinggang iaitu kain berwarna merah yang dipotong memanjang berbentuk segi empat tepat. Sebelum mengikat '*Tahjong*' di pinggang, penari ataupun pemain akan menggunakan seluar panjang berwarna hitam terlebih dahulu. Pada bahagian kepala pula, ia akan diikat dengan kain '*Suma*' ataupun dengan kain batik jenis yang lama serta turut menggunakan '*Gerunding*' iaitu perhiasan yang menghasilkan bunyi bagi pakaian lelaki *Langgie Pingadap*.

“Pakaian langgie iti ne pun moh kaik ne samah. Kan ngamin ne bala namba tu'uh dayung minan Tapeh ceh nak ah pak iti ne moh kaik. Moh minan kain bulit da biasa sien. Nahh, kan darik mina tajong lalu minan bejuh batik ceh. Suma legi indi. Tinan inya sanik ne. Suma tik tenak inya da baak ceh. Suma tik kain. Mung kain batik

hehehe. Gerunding pun tinan inya legi. Seh nak bala pikakas langgie sanik ne jang ahh”.

“Pakaian tradisional ‘Langgie’ pun sudah berbeza dari yang asal. Kalau zaman dahulu, nenek moyang kita memakai kain batik sarung wanita tetapi sekarang tidak lagi. Pakaian sekarang ditukar kepada kain hitam seperti yang dilihat pada masa kini. Bagi pakaian untuk golongan lelaki pula hanya menggunakan kain batik lelaki dan baju batik tradisional kaum Bidayuh. ‘Suma’ atau dikenal sebagai kain ‘Suma’ juga turut digunakan. Kain ‘Suma’ ini mirip seakan kain batik dan akan dipakai di kepala. ‘Gerunding’ merupakan perhiasan berbentuk bulat seperti loceng yang diletakkan di bahagian bawah gaun pakaian wanita yang menghasilkan bunyi. ‘Gerunding’ juga turut digunakan untuk tujuan perhiasan pakaian ‘Langgie’”.

(14, 1 Mac 2022)



Gambar 2: Pakaian *Langgie Pingadap* lelaki dan wanita zaman dahulu. (Sumber: Informan Pertama, 2022)

Kini, dari segi pemakaian dalam tarian *Langgie Pingadap* terdapat sedikit perbezaan dengan yang dahulunya. Menurut informan keempat, pakaian wanita tidak banyak mengalami perubahan seperti pakaian lelaki. Penggunaan warna hitam, merah, kuning dan putih masih kekal digunakan tetapi corak garis yang terdapat pada pakaian *Langgie Pingadap* telah ditambah. Hal ini dengan alasan bahawa mereka corak pakaian *Langgie Pingadap* telah diperkenalkan di Kampung Budaya, Kuching, Sarawak. Selain itu, penggunaan ‘Sungguh’ telah ditukar kepada ‘Reung’ iaitu sebuah topi yang menyerupai seakan-akan topi yang dipakai masyarakat Bidayuh ketika mengerjakan sawah padi. Selain itu, terdapat pembaharuan

perhiasan yang digunakan bersama dengan pakaian *Langgie Pingadap* pada masa kini iaitu 'Perit' yang merupakan perhiasan yang berasaskan tembaga selain penggunaan tali pinggang perak yang bercorak flora.

Bagi pakaian lelaki pula, pemakaian batik ataupun baju kosong tanpa corak yang dililit kain batik secara bersilang tidak lagi dipraktikkan. Kini, pakaian lelaki berwarna hitam dan bercorak garis putih, kuning dan merah sama seperti warna pakaian kaum wanita. Kain batik yang diikat pada bahagian kepala juga berubah iaitu penari lelaki kini hanya menggunakan kain biasa yang berwarna merah ataupun warna hitam bercorak garis merah, kuning dan putih yang berbentuk seakan-akan seperti tengkolok. Penggunaan 'Tahjong' masih digunakan tetapi hanya digunakan bagi penari yang tidak berbaju dan berseluar panjang tetapi hanya memakai seluar pendek ketat sahaja dan tidak sama sekali disertakan dengan pakaian *Langgie Pingadap* lelaki yang sering dipakai pada masa kini.

"Iti ne moh ahi ne birubah. Bala corak da pakaian seh paling ahi lah. Moh adeh garis ne. Bala perhiasan da kuan kireng she pun moh ahi tukar ne mung bala tupi Re'ung, Sangguh, Perit. Kan dadag darik ne mung Tahjong she dengan kaler bejuh iti ne moh built samah dengan kaler bejuh dayung. Bala Tahjong moh kaik inya minan ne. Adeh memang adeh dengen pak jarang. Haaa..."

"Sekarang, banyak yang sudah berubah. Paling banyak bahagian corak pakaian 'Langgie' yang sudah banyak garisnya. Semua perhiasan telah pun ditukar seperti penggunaan tupi Re'ung atau dikenali sebagai topi sawah, Sangguh iaitu perhiasan yang berbentuk bulat seperti cincin diletakkan di bahagian kepala dan Perit iaitu perhiasan pakaian tarian 'Langgie'. Bagi pakaian golongan lelaki pula, sudah berubah kepada pakaian biasa berwarna hitam seperti pakaian wanita juga. Pemakaian 'Tahjong' sudah tidak digunakan lagi. Adapun jarang dijumpai..."

(15, 03 Mac 2022)



Gambar 3: Pakaian Bidayuh wanita masa kini. (Sumber: Informan 5, 2022)



Gambar 4: Pakaian Bidayuh pada masa kini. (Sumber: <https://web.facebook.com/kemassarawak/posts/1018167325384646>)



Gambar 5: Jenis pakaian Bidayuh yang lain (masa kini). (Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Perubahan yang berlaku ini pasti ada alasan dan puncaknya yang tersendiri. Perubahan dan perbezaan dari tahun ke tahun bagi *Langgie Pingadap* dari segi keaslian tarian tradisional kaum Bidayuh ini adalah disebabkan oleh arus pemodenan. Dari segi pakaian, dahulunya ia hasil buatan tangan tanpa menggunakan mesin. Sebagai contoh, pakaian batik labuh atau dipanggil 'Suma' ditenun dengan menggunakan benang tertentu melalui kaedah dan alat penenun tradisional oleh kaum wanita. Pada kebiasaannya, batik ini akan ditenun oleh golongan wanita yang mahir dalam menenun kain. Hal ini kerana proses tenunan kain pada zaman dahulu amatlah rumit dan memerlukan kemahiran yang tinggi dalam menenun. Kini, kain batik sudah diganti dengan kain biasa yang berwarna hitam dan sedikit corak bergaris yang berwarna kuning, merah dan putih. Perubahan pemakaian batik ini adalah kerana kain batik asli yang ditenun seperti zaman dahulu sudah sukar untuk

diperoleh disebabkan kurangnya individu yang mahu menenun batik Bidayuh lagi. Maka dengan itu, masyarakat Bidayuh kini hanya menggunakan produk atau barangan sedia ada tetapi masih relevan dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama iaitu perubahan kain batik yang bercorak ke kain berwarna hitam yang bercorak garis berwarna kuning, merah dan putih.

“Keyuh da birubah masu sanik ne sien ceh mung kain Suma lah. Ngamin ne ngan ne kain Suma da raye tinan bala namba sanik ne. Pak iti ne moh kaik. Ahi kain ne moh tiru inya, tiru bala bisina. Ngamin ne tundah jiit minan tangan. Jerak ngundah ne sanik ne. Iti ne, kan anyap kain suma memang inya akan mina kain biasa lah da kaler built ceh mung da tubek manak iti ne. Nak iti ne ditambah inya bala corak ne da kain bulit seh. Ehhh... nak adeh garis kuning, budak, celak ne. Adeh mu tebek ne kan? Kaik patut anyap. Kaik bante anak Bidayuh hahaha... Seh mesti amu rak puan ne”.

“Benda yang berubah dari zaman dahulu seperti kain ‘Suma’. Pada zaman dahulu, kain asli ‘Suma’ sememangnya digunakan tetapi tidak lagi untuk masa kini di mana kebanyakannya kain ‘Suma’ telahpun diciplak dan mudah didapati di mana-mana kedai Cina. Dulu, kain ‘Suma’ sukar dihasilkan oleh kerana harus dijahit menggunakan tangan. Kini, kalau tiada kain ‘Suma’, maka masyarakat akan menggunakan kain hitam seperti yang boleh dilihat pada masa kini. Corak-corak ditambah pada kain hitam tersebut seperti garis kuning, putih dan merah”.

(16, 03 Mac 2022)

iii) Barang Perhiasan

Seterusnya, keaslian tarian *Langgie Pingadap* juga mengalami perubahan kerana faktor barang perhiasan yang asli yang mana susah untuk ditemui disebabkan beberapa faktor seperti nilai harga yang terlalu tinggi dan majoriti individu yang mempunyai barangan perhiasan tarian *Langgie Pingadap* lebih memilih untuk menyimpan barangan asli secara peribadi. Oleh yang demikian, kualiti barang perhiasan pada masa kini tidak setanding dengan barang perhiasan pada zaman dahulu kerana ia diperbuat daripada bahan yang berkualiti rendah dan murah. Bagi harga barang perhiasan tarian *Langgie Pingadap* pada masa kini jauh berbeza dengan harga barangan perhiasan yang asli walaupun harga bagi yang tidak asli masih mencecah ratusan ringgit.

a) Gerunding

'Gerunding' ialah barang perhiasan yang seakan mirip dengan bentuk loceng kecil yang menghasilkan bunyi seperti bunyi loceng. 'Gerunding' diperbuat daripada perak asli yang dipakai atau diletakkan pada bahagian bawah pakaian dan juga pada gelang kaki. Terdapat juga 'Gerunding' yang digantung bersama duit syiling perak. Fungsinya adalah untuk menghasilkan bunyi yang harmoni ketika penari mempersembahkan tarian *Langgie Pingadap*.



Gambar 6: 'Gerunding'. (Sumber: <https://antropologigroup1.wixsite.com/kajiantentangmasyara/semasa-gawai>)

b) Suma

'Suma' pula merupakan istilah panggilan kepada kain batik oleh kaum Bidayuh yang dipakai oleh penari wanita ketika mempersembahkan tarian *Langgie Pingadap*. Kain batik Bidayuh ini kebiasaannya bercorak flora dan berwarna coklat dengan dicampur sedikit warna yang lainnya. Kain 'Suma' juga bercorak hampir sama dengan 'Tapeh' yang juga merupakan kain batik tradisional kaum Bidayuh selepas penggunaan kain 'Suma'.



Gambar 7: Penggunaan kain 'Suma' pada suatu ketika dahulu. (Sumber: Informan Keenam, 2022)

c) Sangguh

'Sangguh' adalah perhiasan kepala berbentuk bulat seperti cincin yang diletak di atas kepala penari wanita sahaja. 'Sangguh' dahulunya diperbuat daripada perak asli dan sangat berkilat ketika dipakai. Disebabkan 'sangguh' ini diperbuat daripada perak asli, maka agak sukar untuk mendapatkannya lagi pada zaman kini. Oleh yang demikian, individu yang mempunyai 'Sangguh' ini akan menyimpannya untuk simpanan dan milik mereka sendiri kerana mereka tahu bahawa barangan seperti itu sukar ditemui. Selain itu, penggunaan 'Sangguh' pada masa kini sudah tidak lagi wujud kerana sudah ditukar kepada penggunaan 'Reung' yang melambangkan semangat padi.



Gambar 8: Penggunaan 'Sangguh' di atas kepala. (Sumber: Informan Keenam, 2022)



Gambar 9: Penggunaan 'Reung' di atas kepala. (Sumber: <http://bidayuhiban.blogspot.com/2010/05/suku-kaum-bidayuh-sarawak.html>)



Gambar 10: Penggunaan perhiasan di atas kepala pada zaman kini. (Sumber: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/04/29/tarian-bidayuh>)

Untuk penjelasan, berikut merupakan antara contoh barangan dan perhiasan termasuklah peralatan muzik tradisional yang digunakan dalam mempersembahkan tarian *Langgie Pingadap* pada masa dahulu dan masa kini yang telah mengalami perubahan.

Jadual 1: Perubahan barang perhiasan dalam pakaian *Langgie Pingadap* pada masa dahulu dengan masa kini.

Perubahan Barangan dan Perhiasan Zaman Dahulu Dengan Kini	
Zaman Dulu	Masa Kini
1. <i>'Sangguh'</i> <ul style="list-style-type: none"> - Digunakan di atas kepala untuk tujuan perhiasan. - Diperbuat daripada perak. - Berbentuk bulat dan mirip seperti cincin. 	<i>'Reung'</i> <ul style="list-style-type: none"> - Diperbuat daripada anyaman buluh. - Merupakan topi untuk petani yang mengerjakan sawah padi. - Berbentuk bulat dan lebar di bahagian atas dan bentuk silinder di bahagian bawah.
2. <i>'Suma'</i> dan <i>'Tapeh'</i> <ul style="list-style-type: none"> - Bercorak flora. - Berwarna coklat secara keseluruhan dan sedikit warna lain. - Panjang kain sehingga ke paras kaki. 	Kain biasa berwarna hitam pekat <ul style="list-style-type: none"> - Berwarna hitam pekat dan dihiasi dengan sedikit corak bergaris yang berwarna putih, merah dan kuning. - Panjang kain sehingga paras lutut sahaja.
3. <i>'Gerunding'</i> <ul style="list-style-type: none"> - Diperbuat daripada perak. - Berbentuk seperti loceng. - Menghasilkan bunyi. - Tujuan untuk menghiasi pakaian. 	<i>'Gerunding'</i> <ul style="list-style-type: none"> - Perhiasan perak yang tidak asli lagi. - Kurang menghasilkan bunyi.
4. <i>'Ogung'</i> (Gong) <ul style="list-style-type: none"> - Alunan muzik yang agak laju atau cepat. 	<i>'Ogung'</i> (Gong) <ul style="list-style-type: none"> - Alunan muzik lebih perlahan dan sesuai untuk tarian lelaki dan wanita.

Secara rumusannya, terdapat begitu banyak perbezaan antara tarian *Langgie Pingadap* pada zaman dahulu dengan masa kini. Perbezaannya merangkumi pergerakan tangan, jari, pakaian, perhiasan dan barangan yang lainnya. Menerusi pendekatan semiotik, dapat dilihat makna yang tersurat dan tersirat di sebalik penggunaan lambang dalam kehidupan manusia. Ini dapat dilihat menerusi persembahan tarian itu sendiri yang mana melambangkan tanda kesyukuran mereka terhadap tanaman yang menjadi (padi) selain penggunaan warna yang menjadi simbol kepada suku kaum Bidayuh yang sinonim dengan warna hitam, kuning dan merah. Penggunaan warna ini melambangkan keberanian dan kepahlawanan yang sememangnya tertanam kuat dalam suku kaum ini. Malah, penggunaan aksesori menjadi 'objek' pelengkap kepada pakaian penari semasa mempersembahkan tarian '*Langgie Pingadap*'.

KESIMPULAN

Tarian *Langgie Pingadap* perlu dipelihara kerana tarian ini merupakan warisan budaya nenek moyang masyarakat yang diwarisi sejak turun-temurun. Usaha bagi memulihara dan mengekalkan tarian *Langgie Pingadap* ini masih giat dijalankan di seluruh kampung seperti di Kampung Rayang, Serian. Pihak atasan seperti Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh ataupun lebih dikenali sebagai *Dayak Bidayuh National Association* (DBNA) turut memainkan peranan khususnya dalam melestarikan tarian tradisional kaum Bidayuh termasuklah tarian *Langgie Pingadap* supaya terus dipulihara dan dikekalkan. Selain itu, pelbagai pihak lain seperti ketua kampung juga turut berusaha dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Bidayuh itu sendiri tentang kepentingan penjagaan dan pengekalan warisan dan khazanah kaum Bidayuh di Negeri Sarawak amnya. Selain itu, pihak ibu bapa juga turut mengajar anak-anak mereka tentang tarian *Langgie Pingadap* secara lisan mahupun memberi tunjuk ajar dengan menunjukkan pergerakan mudah bagi tarian ini di samping menggalakkan anak-anak mereka untuk menjadi pelapis ataupun pewaris kepada warisan yang telah diperturunkan oleh generasi terdahulu secara turun temurun.

Walaupun tarian *Langgie Pingadap* kaum Bidayuh ini dikatakan semakin kurang diamalkan oleh orang Bidayuh itu sendiri terutamanya generasi muda, namun perkara ini tidak akan mempengaruhi dan memberi impak yang besar dalam kepupusan tarian tradisional ini. Hal ini kerana adanya pihak-pihak berwajib di dalam setiap kampung yang akan selalu memastikan bahawa tarian *Langgie Pingadap* ini harus dimainkan ataupun dipersembahkan ketika perayaan atau majlis-majlis penting seperti perayaan Hari Gawai Dayak yang merupakan perayaan tahunan bagi seluruh masyarakat Dayak di negeri Sarawak. Melalui perayaan ini, generasi muda masih dapat menyaksikan secara langsung bagaimana tarian *Langgie Pingadap* ini dipersembahkan walaupun ramai di antara mereka yang kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang seni tarian tradisional kaum mereka. Budaya luar terutamanya budaya Barat telah mempengaruhi hidup mereka yang mana telah memberi impak yang begitu besar terhadap pelestarian seni tarian tradisional kaum Bidayuh ini.

RUJUKAN

- Bakar, A.L.A. (2006). *Pendidikan Seni Budaya Dan Warisan - Satu Gagasan Dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aisara, F., Nursaptini, N. & Widodo, A. (2020). *Melestarikan Kembali Budaya Lokal Melalui Kegiatan Ekstrakurikuler Untuk Anak Usia Sekolah Dasar*. *Cakrawala Jurnal Penelitian Sosial*, 9 (2), 149-166.
- Anya, P.R. (1977). *The Anthropology of Dance*. Bloomington: Indiana University Press.
- Calvin R., Carolyn M., Jonas & Sulis, R. (2012). *The Bidayuh Language Yesterday, Today and Tomorrow*. Sarawak: Dayak Bidayuh National Associations.

- Gerry, D. & Osup, C. (2021). *Perubahan Fungsi Dan Seni Persembahan Kuntai Di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak*. Kupas Seni: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 9 (1), 16-28.
- Sendera, H. & Totua, A. (2014). *The Semiotic Perspectives of Peirce and Saussure: A Brief Comparative Study*. [Retrieved from <https://pdf.sciencedirectassets.com/277811/1-s2.0-S1877042814X00522/1-s2.0-S1877042814057139/main.pdf>]
- <https://antropologigrup1.wixsite.com/kajiantentangmasyara/semasa-gawai>
- <http://bidayuhiban.blogspot.com/2010/05/suku-kaum-bidayuh-sarawak.html>
- <https://kamekmiaksarawak.com/asal-usul-perkataan-bidayuh/>
- <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/04/29/tarian-bidayuh>
- <https://web.facebook.com/kemassarawak/posts/1018167325384646>
- Johan, A. (2017). *Muzik Popular Malaysia: Perangsang dan Pelantar Sosial Integrasi Nasional*. Retrieved from https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/9_Manuskrip-ICIP.De-Adil.pdf.
- Empayong, J. (2013). *Pengurusan Pemeliharaan Tarian Ngajat Masyarakat Iban*. Retrieved from <https://ir.unimas.my/id/eprint/19975/>
- Kiyai @ Keai, G., Tugang, N. & Seer, O. (2020). *Ngajar Iban: A Cultural Study*. Kupas Seni: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 8 (2), 70-83.
- Kosmo. (2022). *Seni Budaya, Permainan Tradisional Lenyap 20 Tahun Lagi*. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/2022/08/01/seni-budaya-permainan-tradisional-lenyap-20-tahun-lagi/>
- Ding, L. (2011). *Penggunaan Burung Kenyalang Dalam Kesenian Orang Ulu*. Retrieved from [https://ir.unimas.my/id/eprint/15674/1/Penggunaan%20Burung%20Kenyalang%20dalam%20kesenian%20Orang%20Ulu%20\(2%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/15674/1/Penggunaan%20Burung%20Kenyalang%20dalam%20kesenian%20Orang%20Ulu%20(2%20pages).pdf).
- Magiman, M.M. (2015). *"Langgie Pingadap" Ritual dan Identiti Masyarakat Bidayuh Bukar, Sadong Sarawak*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/309040406>.
- Magiman, M.M & Saleh, N.S. (2017). Identiti Bidayuh Sarawak Dalam Tarian Langgie Pingadap (*Bidayuh Sarawak's Identity In Langgie Pingadap*), 46-59.
- Peirce, C.S. (1965). (Vol. I & Vol. II). *Collected Papers of Charles Sanders Peirce*. Belknap Press of Harvard University Press: London.
- Schechner, R. (2002). *Performance Studies: An Introduction*. United Kingdom: Routledge.
- Marican, S. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Penerbit Edusystem Sdn. Bhd.
- Malakolunthu, S. (2001). *Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif : Satu Imbasan*. Dlm Marohaini Yusoff (pnyt.) *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 121-153. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yusoff, W.A.K. (1985). *Kedudukan Tarian Melayu Tradisi Dalam Proses Perubahan Budaya Sebelum Perang Dunia Kedua*. Jurnal Sari 3 (1) (Januari, 1985) 23-40.
- Inki, W. (2007). *Kesan Modernisasi Terhadap Perayaan Gawai Dayak Di Daerah Bau, Sarawak*. Retrieved from <https://ir.unimas.my/id/eprint/6391/>

Senarai Informan:

- Encik Chuno Anak Robung, Penari 'Langgie Pingadap'
- Puan Rusa Anak Ranyah, Ketua Kampung
- Encik Matthew Peros Anak Rikep, Orang Kampung Rayang
- Puan Ratei Anak Nona, Penari 'Langgie Pingadap'.
- Puan Kanai Anak Ana, Penari 'Langgie Pingadap'.
- Encik Simon Jai, Orang Kampung Rayang